SAMPEL PERCUMA

Skema Trial STPM Semester 3 Sejarah Kelantan 2024 (Set 1 + Set 2)

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Semester 3 · 10 subjek (2024)

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

C. KESIMPULAN

a. Perubahan-perubahan pentadbiran yang berlaku di Sabah telah memberi impak kepada masyarakat tempatan dari sudut politik di Sabah.
b. Semasa Perang Dunia Kedua berlangsung Sabah berada di bawah Pentadbiran Tentera Jepun. Selepas perang SBUB menyerahkan secara rasmi negeri Sabah kepada kerajaan Britain di London pada 15 Julai 1946.
c. Berikutan itu, Sabah menjadi Tanah Jajahan British sehingga mencapai kemerdekaan melalui pembentukan Malaysia pada 16 September 1963.

Catatan pemeriksa: Calon perlu menghuraikan 4 perubahan dalam pentadbiran

3. Tun Abdul Razak telah memberikan sumbangan yang besar terhadap pembangunan ekonomi di Malaysia. Bincangkan. (20m)

A. PENGENALAN

a. Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein atau Tun Abdul Razak lebih dikenali sebagai Bapa Pembangunan Malaysia oleh rakyat yang menyanjunginya kerana jasa dan sumbangan beliau untuk kemakmuran dan kemajuan rakyat serta negara Malaysia.
b. Beliau dilahirkan di Pulau Keladi, Pekan, Pahang pada tanggal 11 Mac 1922. Tun Razak merupakan anak sulung kepada Dato' Hussein bin Mohd Taib dan Hajah Teh Fatimah bt Daud.
c. Beliau telah dilantik untuk menggantikan Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-2 pada tahun 1971. Sepanjang perkhidmatannya sebagai anggota kerajaan, beliau telah banyak memberikan sumbangan khasnya dalam pembangunan negara dan luar bandar.
d. Beliau meninggal dunia sewaktu masih berkhidmat sebagai Perdana Menteri pada 14 Januari 1976.

B. ISI-ISI UTAMA

1. Sumbangan dalam pembangunan ekonomi

1.1 Pembangunan ekonomi kawasan luar bandar

a. Pada tahun 1959 Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah ditubuhkan di bawah Tun Abdul Razak bin Dato’ Hussein. Kementerian ini telah ditugaskan untuk menyelaras, mengesan dan menjayakan rancangan pembangunan di kawasan luar bandar. Agensi seperti FELDA dan MARA (dahulunya RIDA) telah diletakkan di bawah kementerian ini untuk menggerakkan pembangunan ekonomi di kawasan luar bandar.
b. Dalam Rancangan Malaya Pertama, kerajaan telah memperuntukkan 44.5% daripada bajet keseluruhan sebanyak RM1100 juta bagi pembangunan ekonomi. Selama 10 tahun memegang potfolio itu, Tun Razak telah berjaya membasmi buta huruf di kalangan tiga juta rakyat.

1.2 Penubuhan FELDA dan FELCRA membasmi kemiskinan

a. Tun Abdul Razak telah mengumumkan rancangan pembukaan tanah secara besar-besaran di seluruh negara pada 24 Oktober 1960. Rancangan tersebut diadakan untuk menempatkan mereka yang tidak mempunyai tanah sekaligus memajukan tanah tersebut. Tanah-tanah rancangan adalah dibawah pengurusan pihak berkuasa FELDA. Pada permulaannya terdapat 40 tanah rancangan yang disertai oleh 400 buah keluarga. Pelan pembukaan tanah tersebut telah menjadi asas kepada kemakmuran rakyat di kawasan luar bandar.
b. Beliau juga mengumumkan penubuhan FELCRA atau Penubuhan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Persekutuan pada 20 September 1964. Penubuhan FELCRA adalah sejajar dengan hasrat DEB untuk meningkatkan taraf ekonomi **ka**um-kaum di negara ini. Melalui dasar tersebut, hasrat kerajaan untuk membasmi kemiskinan dapat dilaksanakan.
c. Beliau juga bertanggungjawab merangka program pembangunan luar bandar dengan menangani masalah kemiskinan apabila menitik beratkan penambahan prasarana asas luar bandar serta mempertingkatkan produktiviti pertanian. Sebanyak tiga juta ekar padi, kelapa dan pelbagai tanaman lain diberikan kemudahan tali air manakala 800 000 ekar hutan telah dibuka untuk pembangunan. Kejayaan yang dicapainya termasuk merangka satu dasar pembangunan yang meliputi setiap keperluan negara, yang dikenali sebagai 'Buku Merah'.

1.3 Pelancaran Dasar Ekonomi Baru 1970-1990.

a. Sumbangan Tun Abdul Razak yang paling penting adalah ke arah pembangunan Malaysia. Tujuan beliau adalah untuk menghapuskan kemiskinan, kejahilan dan penyakit. Dengan itu, Tun Abdul Razak melancarkan Dasar Ekonomi Baru yang mencartakan pembangunan negara secara berperingkat melalui Rancangan-Rancangan Malaysia dari 1970 hingga 1990. Beliau sedar masyarakat Melayu jauh ketinggalan dalam kemajuan sosio-ekonomi. Oleh itu Allahyaraham Tun Abdul Razak Dato' Hussein berupaya meningkatkan taraf hidup golongan luar bandar melalui Rancangan Buku Hijau (1974) serta pembukaan tanah melalui FELDA dan FELCRA. Rancangan-rancangan ini benar-benar membantu masyarakat Melayu memutuskan rantaian kemiskinan.
b. 'Dasar Ekonomi Baru' (DEB) yang dilancarkan pada 21 Jun 1970 adalah satu falsafah pembangunan yang menekankan keseimbangan antara pembangunan sosial dan perkembangan ekonomi dengan menjadikan matlamat utamanya untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan mennghapuskan identifikasi kegiatan ekonomi berdasarkan kaum.
c. Di era Tun Abdul Razaklah bermulanya pelan pembangunan yang menyeluruh dan sistematik yang dikenali dengan 'Rancangan Pembangunan Malaysia' lima tahun yang bermula dengan Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua. Meskipun telah wujud rancangan sebegini sebelum era Allahyaraham Tun Abdul Razak Dato' Hussein namun matlamat dan perlaksanaannya tidak secara kolektif dan pragmatik. Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua merupakan pemangkin Dasar Ekonomi Baru (DEB). DEB

mempunyai kerangka waktu 20 tahun dari 1970-1990 merumuskan bahawa ekuiti bumiputera dalam negara harus mencapai 30% di akhir tempoh itu.

d. Antara institiusi yang paling penting hasil dari DEB ialah ' Federal Land Develoment Authority' (FELDA), suatu badan yang membuka tanah dan mengagihkannya kepada rakyat untuk tujuan pembagunan. Program ini sehingga hari ini dikenali sebagai program reformasi tanah yang paling besar dan berjaya di dunia dan seterusnya menjadikan Malaysia pengeluar terbesar getah dan minyak kelapa sawit. Selain itu terdapat beberapa agensi lain yang ditubuhkan untuk membantu penduduk di kawasan luar bandar ialah Lembaga Beras dan Padi Negara (LPN), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah atau RISDA dan Lembaga Pertubuhan Peladang.

1.4 Pelancaran Rancangan Buku Hijau

a. Justeru bagi memastikan matlamat pembangunan masyarakat luar bandar dapat dilaksanakan, Tun Abdul Razak telah melancarkan Rancangan Buku Hijau pada 20 Disember 1974. Tujuan utama rancangan tersebut ialah untuk menambahkan hasil makanan. Rancangan ini menghendaki rakyat mengambil bahagian yang lebih cergas dalam sektor ekonomi pertanian. Antara program yang diatur ialah menggalakkan tanaman jangka pendek, iaitu tanaman selingan dan bukan tanaman seperti kacang tanah, sekoi, jagung, ikan air tawar, memelihara kerbau, lembu dan sebagainya.

[Selain sumbangan terhadap pembangunan ekonomi, Tun Abdul Razak turut memberikan sumbangan dalam bidang lain. Salah satunya ialah…]

2. Sumbangan dalam pendidikan

b. Sebelum menjawat jawatan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein telah banyak memberikan sumbangan antaranya dalam bidang pendidikan. Pada tahun 1955, kerajaan perikatan telah membentuk sebuah Jawatankuasa Pelajaran yang dipengerusikan oleh Tun Abdul Razak selaku Menteri Pelajaran ketika itu.

c. Tindakan awal Tun Razak apabila memegang jawatan tersebut adalah merombakkan sistem pelajaran penjajah yang mengamalkan dasar pecah dan perintah. Beliau mendapati sekolah-sekolah Melayu serta sekolah-sekolah vernakular Cina dan Tamil tidak memberi sebarang keuntungan kepada pembentukan masyarakat yang bersatu padu sebaliknya mewujudkan perbezaan ras dalam masyarakat pelbagai kaum.

d. Hasil usaha Tun Razak, telah membawa kepada terhasilnya Penyata Razak pada tahun 1956, yang berjaya menyatupadukan sistem pelajaran untuk membina sebuah bangsa yang bersatu padu dengan harapan, Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan menjadi bahasa pengantar utama.

e. Penyata Razak telah mengemukakan dua elemen penting dalam dasar pendidikan, iaitu sistem persekolahan yang sama untuk semua dan penyeragaman kurikulum yang bercorak kebangsaan. Beliau menganggap bahawa dasar tersebut mampu menyuburkan semangat perpaduan negara. Penyata Razak kemudiannya dijadikan Ordinan Pelajaran 1957.

BAHAGIAN B

4. Huraikan konsep dan peranan raja di Vietnam sebelum campur tangan barat pada abad ke-19 Masihi. (20m)

A. PENGENALAN

a. Sebelum campur tangan barat pada abad ke-19 Masihi, Vietnam mengamalkan sistem pemerintahan beraja mutlak.
b. Sistem politik dan pentadbiran di Vietnam dipengaruhi oleh negara China yang mengandungi ciri pemusatan kuasa melalui birokrasi pusat yang berpengaruh.
c. Raja berada di puncak kekuasaan dengan menggunakan gelaran Maharaja yang akan mewariskan kekuasaan kepada keturunannya melalui sistem warisan.
d. Sistem pemerintahan di Vietnam mempunyai konsepnya yang tersendiri dan raja Vietnam juga mempunyai peranannya yang tersendiri.

B. ISI-ISI UTAMA

1. Konsep Raja

a. Sistem beraja Vietnam menerima pengaruh dari China yang berteraskan ajaran Confucius yang mengaitkan raja dengan unsur ketuhanan.
b. Masyarakat Vietnam percaya raja Vietnam mendapat mandat dari syurga untuk memerintah dan bukannya daripada pihak-pihak lain.
c. Raja disifatkan sebagai thein-tu(anak tuhan) dan hak mereka untuk memerintah adalah sebagai wakil tuhan yang telah diberi mandat.
d. Mandat boleh dilihat melalui kemakmuran negara yang akan dinilai oleh rakyat.
e. Jika semasa pemerintahan raja itu banyak berlaku malapetaka atau bencana alam seperti banjir, kemarau dan gempa bumi maka ia memberi gambaran syurga tidak senang dengan pemerintahan raja tersebut.
f. Rakyat akan mentafsir malapetaka itu sebagai tanda ketiadaan restu dari syurga dan boleh mencetuskan pemberontakan untuk menggulingkan raja dan digantikan dengan pemimpin yang lain
g. Sebaliknya jika keadaan negara aman dan makmur, raja itu dianggap mendapat restu dari syurga untuk meneruskan mandat yang diberi.

Peranan Raja

2. Politik dan pentadbiran

a. Pentadbiran bercorak birokrasi telah dijalankan semasa pemerintahan Dinasti Nguyen yang berasaskan model pemerintahan dari China.
b. Raja sebagai ketua kerajaan dan berkuasa mutlak. Baginda dibantu oleh para pembesar yang dilantik bagi menjalankan pentadbiran di peringkat pusat, daerah dan kampung.
c. Mengetuai bidang kehakiman sebagai ketua hakim dan penggubal undang-undang. Kedudukan raja sebagai Mein-tu, mengatasi undang-undang dan tidak boleh didakwa atas

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Semester 3 · 10 subjek (2024)

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar